

PENGUASAAN BAHASA MELAYU DILEMA PELAJAR SJKC/SJKT

DALAM usaha menguasai apa-apa juga bahasa, setiap jiwa pelajar mestilah ditanamkan dengan rasa cinta, minat dan kefahaman yang mendalam akan matlamat mempelajari bahasa, terutamanya bahasa Melayu sejak kecil lagi. Oleh itu, semua faktor ini memerlukan didikan yang berterusan dari rumah hingga ke sekolah.

RASA cinta terhadap bahasa Melayu perlu diasuh sejak kanak-kanak berada di taman didikan kanak-kanak (tadika) yang mengutamakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah tersebut. Jika bahasa Inggeris diutamakan, kanak-kanak pada peringkat awal lagi tidak akan ada rasa cinta dan kefahaman terhadap tujuan dan matlamat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Dilema atau keadaan yang menyebabkan sukarnya pelajar bukan Melayu menguasai bahasa Melayu disebabkan kebanyakan mereka dihantar ke sekolah tadika yang mengutamakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya. Semua mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan mata pelajaran lain kecuali bahasa Melayu diajar dalam bahasa Inggeris.

Oleh sebab pada peringkat asas, kanak-kanak sudah diasuh dengan pendidikan Inggeris, maka sampai bila-bila pun anak-anak tidak akan ada rasa cinta, minat dan kefahaman yang mendalam terhadap bahasa Melayu serta sukar untuk menguasai

bahasa Melayu hingga ke peringkat sekolah rendah dan menengah. Hal ini bertepatan dengan peribahasa Melayu, "melentur buluh itu biarlah daripada rebungunya", iaitu pendidikan awal itu sangat penting untuk kejayaan menguasai bahasa Melayu pada masa hadapan.

Peranan ibu bapa dan guru pendidikan bahasa pada peringkat awal sepatutnya menegaskan bahawa bahasa Melayu itu berperanan sebagai bahasa komunikasi yang berkesan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu pengetahuan.

Ibu bapa perlu menegaskan kepada anak, tidak rugi mempelajari bahasa Melayu kerana bahasa Melayu menjadi subjek utama dan ada peperiksaan di sekolah rendah dan sekolah menengah termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan China (SJKC) dan Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil (SJKT), iaitu Peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Pendidikan bahasa di rumah mestilah menggunakan bahasa

Melayu sebagai bahasa komunikasi antara anak dengan ibu bapa, serta komunikasi dengan rakan-rakan tadika, sekolah rendah dan menengah, bukan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi.

Perpaduan kaum melalui bahasa kebangsaan sudah diamalkan sejak dahulu dan bermula sejak di bangku sekolah rendah kebangsaan dan menengah di negara ini yang membuktikan semua pelajar mampu berkomunikasi melalui bahasa Melayu dengan baik dan berkesan.

Oleh sebab itu, usaha penerapan budaya berbahasa Melayu melalui pendidikan di sekolah dapat mengukuhkan perpaduan yang dapat diterapkan melalui bahasa dan pemahaman budaya kaum lain melalui aktiviti budaya yang diamalkan dan diajar dalam kokurikulum.

Timbul persoalan dan dilema pelajar bukan Melayu, khususnya pelajar SJKC dan SJKT dalam penguasaan Bahasa Melayu, mengapakah mereka begitu lemah menguasai bahasa kebangsaan ini?

SARI BAHASA

Antara sebabnya, pelajar di SJKC dan SJKT sering berkomunikasi dalam bahasa ibunda mereka. Mereka juga sering berkomunikasi dalam bahasa Inggeris sejak di tadika dan kemudiannya diteruskan pada peringkat sekolah rendah.

Pelajar seharusnya memahami Perlembagaan Malaysia serta faham sejarah bahasa Melayu yang menetapkan bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu, di samping dibenarkan penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat. Guru Bahasa Melayu perlu memainkan peranan dengan menerapkan rasa cinta akan bahasa Melayu kepada pelajar pada peringkat awal.

Dari segi sejarah, pelajar perlu memahami bahawa bahasa Melayu sudah diangkat sebagai bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia yang berdaulat selepas mengesahkan kemerdekaan pada tahun 1957. Bahasa Melayu menggalas tanggungjawab sebagai bahasa rasmi negara, bahasa kebangsaan, bahasa pentadbiran, bahasa perhubungan umum dan sebagai bahasa ilmu pada peringkat sekolah dan universiti.

Kedudukan dan taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan Akta Pelajaran 1961 kemudian digubal menjadi Akta Pendidikan 1996. Perkara ini perlu difahami oleh semua pelajar dan diterangkan dengan panduan guru Bahasa Melayu.

Fungsi bahasa Melayu moden, iaitu sebagai bahasa ilmu juga harus difahami dan diterangkan kepada semua pelajar di sekolah rendah dan menengah di negara ini. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1981, melalui Dasar Pendidikan Kebangsaan, bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat persekolahan, iaitu dari darjah satu sekolah rendah hingga tingkatan enam.

Pada tahun 1983, semua kursus tahun pertama di universiti tempatan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bahasa Melayu juga dijadikan sebagai satu mata pelajaran di semua sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Melalui penggunaan satu bahasa, iaitu bahasa Melayu, perpaduan dapat dipupuk dalam kalangan



Perañan ibu bapa dan guru pendidikan bahasa pada peringkat awal sepatutnya menegaskan bahawa bahasa Melayu itu berperanan sebagai bahasa komunikasi yang berkesan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu pengetahuan.

masyarakat majmuk di negara ini. Menerusi penggunaan bahasa Melayu pada peringkat sekolah dan universiti, bahasa Melayu telah berfungsi sebagai bahasa penyalur ilmu pengetahuan.

Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu mampu mengungkap ilmu yang tinggi seperti dalam bidang yang berkaitan dengan sains, ekonomi, perundangan, teknologi maklumat, dan bidang-bidang lain yang terdapat dalam dunia moden kini. Hal ini jelas dilihat menerusi pelbagai laras yang ditulis dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan bidang-bidang tertentu. Setiap laras mempunyai kosa kata tersendiri yang khusus tentang bidang berkenaan.

Kini, terdapat banyak buku akademik yang ditulis dalam bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar di institusi pengajian tinggi. Oleh itu, bahasa Melayu mampu berfungsi sebagai bahasa ilmu. Semuanya bergantung pada minat dan keinginan pelajar itu sendiri.

Perlu dijelaskan kepada pelajar bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi. Komunikasi merupakan proses pertukaran maklumat antara individu yang terlibat dengan menggunakan sistem simbol atau tingkah laku yang umum. Oleh itu, fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi bererti bahasa ini digunakan sebagai alat untuk membolehkan individu, iaitu pelajar bertukar-tukar maklumat.

Dalam apa-apa juga komunikasi, bahasa Melayu menjadi bahasa perantaranya. Fungsi bahasa Melayu sebagai pengantara di Nusantara juga berlangsung dalam tempoh waktu yang lama. Hal ini kerana pada masa itu, bahasa Melayu menjadi lingua franca, iaitu bahasa perhubungan antara masyarakat yang berlainan bahasa.

Pelajar juga harus memahami sejarah, iaitu penduduk di Tanah Melayu dahulu sejak awal lagi terdiri daripada pelbagai kaum dan setiap kaum ini mempunyai bahasa ibunda. Begitu juga dengan masyarakat Melayu, terdapat pelbagai dialek dan dialek ini hanya dapat difahami dalam lingkungan mereka sahaja.

Walaupun bagaimanapun, sebagai *lingua franca*, bahasa Melayu membolehkan masyarakat tanpa mengira dialek atau bahasa ibunda untuk berhubung antara satu sama lain. Bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa perhubungan

berbanding dengan bahasa lain kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan harian sebahagian besar penduduk di Nusantara.

Pada masa yang sama, sebilangan besar daripada kaum yang terlibat akhirnya mampu menuturkan bahasa Melayu ini dengan baik. Hal ini disebabkan bahasa Melayu agak mudah difahami dan mudah dipelajari di sekolah dan dalam komunikasi awam, khususnya dalam kalangan penutur asing.

Bagi menjalankan fungsi komunikasi ini, penggunaan bahasa Melayu tidak terhad terhadap komunikasi lisan dalam situasi tidak formal, tetapi bahasa Melayu digunakan dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan. Oleh itu, dalam situasi pentadbiran bahasa Melayu turut digunakan, misalnya sebagai bahasa perhubungan di pejabat, dalam surat-menyurat, perbualan telefon dan mesyuarat.

Bahasa Melayu juga mampu menyampaikan perasaan dan fikiran seseorang. Oleh itu, sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu berjaya menyampaikan perkara yang terdapat dalam fikiran seseorang dan perkara ini dapat difahami oleh orang yang mendengarnya.

Jika diteliti bahasa Melayu sangat penting sebagai bahasa perpaduan. Menurut Garvin dan Mathiot (1968) memberikan tiga fungsi simbolik bahasa baku, iaitu bahasa Melayu baku yang juga berfungsi sebagai bahasa penyatuan, fungsi pengasingan, dan fungsi prestij.

Fungsi penyatuan bermaksud bahasa Melayu baku bertindak sebagai alat yang menghubungkan penutur yang menuturkan berbagai-bagai dialek bahasa yang sama. Hal ini dapat menyatukan mereka dalam satu masyarakat.

Fungsi pengasingan pula, bahasa Melayu baku bertindak sebagai variasi bahasa Melayu yang terasing daripada dialek lain daripada bahasa yang sama dapat melambangkan identiti kebangsaan.

Fungsi prestij dapat mewujudkan satu bahasa baku yang menimbulkan perasaan atau semangat megah terhadap negara. Di Malaysia, ketiga-tiga fungsi tersebut dapat menyatukan penduduk dan memberikan satu identiti bagi masyarakat Malaysia. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan disalurkan menerusi Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Apakah panduan untuk pelajar di SJKC dan SJKT mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu? Yang pertama, pelajar mestilah menguasai bahasa Melayu secara lisan dan tulisan dengan betul tepat dan berkesan. Bahasa Melayu mestilah dipelajari melalui guru bahasa Melayu yang bertauliah dan berpengalaman. Guru yang mendapat ijazah dalam bahasa Melayu dan berpengalaman mengajar bahasa Melayu mampu memberikan panduan untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat sekolah rendah dan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Mereka digalakkan menggunakan buku teks bahasa Melayu panduan dan bimbingan guru Bahasa Melayu. Gunakan buku rujukan bahasa Melayu yang berwibawa seperti yang ditulis oleh Asraf dalam bukunya, *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu* dan beberapa buku tulisan Nik Safiah Karim (Profesor Emeritus Datuk Dr.) dan Awang Sariyan (Profesor Dato' Dr.) sebagai bahan bacaan dan rujukan tambahan selain buku teks Bahasa Melayu di sekolah.

Yang kedua, sering mengarang dalam bahasa Melayu melalui penulisan karangan, esei dan rencana. Selain itu, pelajar digalakkan mengarang novel, cerpen, puisi (sajak, pantun, gurindam, seloka dan syair) dalam bahasa Melayu. Latihan mengarang ini mestilah mendapat didikan daripada guru atau melalui bengkel penulisan daripada mereka yang bertauliah.

Yang ketiga, sentiasa menggunakan *Kamus Dewan* dan *Kamus Pelajar* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai rujukan utama untuk membetulkan ejaan, memahami dan mencari makna perkataan, memahami fungsi perkataan dalam ayat serta memperkaya perbendaharaan kata dalam latihan mengarang karangan yang dilakukan di rumah dan di sekolah.

Yang keempat, sejak di sekolah rendah lagi pelajar memahami cara menjawab soalan bahasa Melayu seperti pemahaman petikan/rencana, rajah, graf, ilustrasi kartun, pelan/peta, iklan, petikan dan bahan berdasarkan catatan. Pelajar juga perlu memahami cara menjawab soalan pemahaman Komponen Sastera (Komsas), iaitu soalan petikan cerpen, sajak, pantun, gurindam, seloka dan syair bagi tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Yang kelima, setiap karangan yang ditulis mestilah mendapat bimbingan guru Bahasa Melayu yang berpengalaman sama ada dalam format fakta, jenis pendapat dan perbincangan, jenis ucapan, syarahan dan ceramah, jenis cereka dan imaginasi, jenis laporan, jenis rencana, komen, berita, jenis gambaran dan keperihalan, jenis perbahasaan, jenis surat kiriman rasmi dan tidak rasmi ataupun jenis wawancara dan dialog.

Pelajar perlu merujuk buku *Tatabahasa Dewan* terbitan DBP dan yang terbaharu *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* yang ditulis oleh pakar bahasa, Nik Safiah Karim bersama-sama dengan penulis lain Farid M. Onn, Abdul Hamid Mahmood, dan Hashim Musa.

Pelajar juga perlu dilatih membuat ayat yang gramatis, tepat dan betul yang akhirnya menjadi sebuah karangan yang lengkap, berkesan dan menarik. Latihan membina ayat mestilah dipraktikkan melalui bimbingan guru Bahasa Melayu secara lisan dan tulisan.

Pihak sekolah juga perlu memperbanyak buku berbahasa Melayu di Pusat Sumber Sekolah sebagai bahan bacaan tambahan pelajar. Selain buku rujukan dan ulang kaji Bahasa Melayu untuk tujuan peperiksaan, Sekolah juga boleh mengadakan minggu dan bulan bahasa kebangsaan pada peringkat sekolah dengan aktiviti membaca cerpen, sajak, pantun, gurindam, syair dan seloka semasa perhimpunan mingguan.

Pertandingan mengarang seperti menulis karangan, esei, sajak, cerpen boleh dianjurkan oleh pihak sekolah melalui Persatuan Bahasa Melayu yang diwujudkan di sekolah bagi meningkatkan kemahiran mengarang dalam kalangan pelajar dan menanam minat yang mendalam terhadap bahasa Melayu. Pertandingan syarahan, pidato, perbahasaan juga boleh diadakan pada peringkat sekolah.

Kesimpulannya, kemahuan untuk belajar dan minat akan bahasa Melayu mestilah datang daripada ibu bapa dan guru sebagai pembimbing selain azam yang kuat daripada pelajar. Apabila bahasa Melayu dapat dikuasai dengan baik dan berkesan, pelajar akan dapat mencapai keputusan cemerlang dalam apa-apa juga peperiksaan, terutamanya untuk mencapai keputusan A+ dalam bahasa Melayu pada peringkat SPM. **PB**